

Mahkamah ada kuasa

U.M. 21 SEP 1993

Oleh
AZIZAN HASHIM

ALUR SETAR 20
Sept. — Dato' Sri Dr.
Mahathir Mohamad
menegaskan, mahkamah
tidak mempunyai kuasa
untuk memutuskan sesu-
atu masalah yang meli-
batkan parti politik.

Bagaimanapun, kata
Perdana Menteri, mahka-
mah masih lagi membuat
keputusan terhadap kes-
kes yang dirujuk oleh ah-
li-ahli parti.

"Kita dapati ada mah-
kamah yang membuat ke-
putusan. Yang setakat sa-
ya tahu, mahkamah tidak
mempunyai kuasa, tetapi
bila dia (mahkamah) buat
keputusan, kita tidak bo-
leh ketepikan, kita ter-
paksa juga patuh," kata-
nya kepada pemberita se-

lepas mengadakan mesyuarat dengan jawatan-kuasa Pergerakan Pemuda, Wanita dan UMNO Bahagian Kubang Pasu di Mentaloon di sini petang ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas nasihat Menteri Undang-Undang, Dato' Syed Hamid Albar supaya ahli-ahli UMNO tidak membawa masalah parti ke mahkamah bagi mengelakkan imej parti terjejas. Setakat ini empat bahagian UMNO tidak dapat mengadakan mesyuarat kerana perintah menghalang daripada mahkamah.

Oleh itu, tegas Dr. Mahathir, kerajaan mungkin terpaksa meminda undang-undang bagi mem-

■ Lihat muka 2

tidak — Dr. M

Mahkamah tidak ada kuasa — Dr. M

U.M. 21 SEP 1993

perjelaskan, kuasa mahkamah mendengar kes-kes yang dibawa oleh anggota parti politik untuk mengelakkan daripada membuang masa mahkamah.

Beliau berkata, pihaknya akan mendapatkan penjelasan daripada pihak mahkamah sama ada mahkamah mempunyai kuasa atau pun tidak.

Perdana Menteri menjelaskan, dalam Perlembagaan UMNO sudah cukup jelas menggariskan sesiapa yang membawa masalah UMNO ke mahkamah akan disingkir daripada UMNO.

"Kita telah kecualikan parti politik daripada diputuskan oleh mahkamah tentang sesuatu masalah melainkan kalau diminta supaya mahkamah menguatkuasakan keputusan parti.

"Itu saja yang mahkamah boleh buat, tapi kita dapati ada mahkamah yang membuat keputusan," katanya.

Ini berbeza kalau seseorang ahli UMNO membawa kesnya ke mahkamah kerana hak yang diberi kepadanya mengikut Perlembagaan UMNO untuk meminta mahkamah menguatkuasakan keputusan parti, katanya.

Ditanya sama ada beliau puas hati atau tidak dengan keputusan yang dibuat oleh mahkamah beliau berkata: "Saya berpendapat; mungkin saya salah, bahawa mahkamah tiada kuasa."

Tegasnya: "Kalau kita serah kepada mahkamah kuasa itu, maka dalam parti politik memang orang akan menggunakan mahkamah dengan secara sewenang-wenang, dan tak boleh buat keputusan sampai bila pun.

"Soal orang suka atau tak suka tak boleh ditentukan oleh undang-undang. Orang tak suka, dia tak suka juga walaupun undang-undang kata dia suka, dia tak suka."

Ditanya apa tindakan UMNO selanjutnya bagi mengatasi masalah itu, beliau berkata, parti akan mendapatkan tafsiran yang sebenar dari segi undang-undang.

"Kalau tafsirannya jelas bahawa mahkamah betul, kita terpaksa pinda undang-undang supaya mahkamah tidak ada kuasa di bidang itu," katanya.

Kalau tidak, kata beliau, masa mahkamah akan dihabiskan dengan orang yang sengaja mencetuskan masalah, umpamanya ia sengaja membawa orang yang tidak ada hak untuk menghadiri mesyuarat.

"Dia tahu, tapi dia senyap, bila dia tak menang, dibangkitkan mesyuarat itu tidak sah kerana ada orang tak berhak hadir," kata Dr. Mahathir.

Kata Perdana Menteri lagi: "Kita hendak minta penjelasan tetapi kadangkadangkad masa yang ada pendek sangat, umpamanya esok hendak mesyuarat tiba-tiba hari ini dapat perintah injunksi atau pagi ini hendak mesyuarat dan orang pun dah duduk, tiba-tiba datang peguam serah surat mahkamah."

"Saya fikir kalau undang-undang membenarkan ini, susahlah, tak boleh mesyuarat langsung. Siapa pun boleh minta saja injunksi dan tergendalalah mesyuarat," katanya.

Beliau berkata, ada juga orang bertindak secara sengaja untuk menghalang mesyuarat perwakilan bahagian.

Beliau bimbang jika mesyuarat ditangguh-tangguh macam-macam boleh berlaku.

"Nanti saya takut dalam Perhimpunan Agung UMNO orang tak ada hak hadir secara penipuan, lepas itu kata pemilihan tidak sah, kerana ada orang tidak hak hadir," katanya.